
Kaedah *Talaqqi Musyafahah* Dalam Pembelajaran Al-Quran Di Malaysia

Muhammad Amirullah Jasni¹, Mohd Isa Hamzah¹

¹ *Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Malaysia*
E-mail: amirullahjasni@yahoo.com

¹ *Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Malaysia*
E-mail: isa_hamzah@ukm.edu.my

Abstract

The *talaqqi musyafahah* method in learning the Qur'an is a method that was used by the Prophet Muhammad SAW when studying the Qur'an with Jibril A.S. This method, from age to age, has been used as a basic method in learning the Qur'an. In this writing, several things will be highlighted, among them the concept of *talaqqi musyafahah*, the application of the *talaqqi musyafahah* method in learning the Qur'an as well as some of the benefits of applying the *talaqqi musyafahah* method. This study uses a quantitative research method by analyzing several articles and several reference sources to see more extensive findings to ensure that the debate related to the *talaqqi musyafahah* method in learning the Qur'an can be properly discussed. The results prove that this *talaqqi musyafahah* method is a very important basic method in learning the Quran and this method needs to be maintained. Deeper studies and more extensive innovations can be implemented to make this method more interesting and who want to learn the Quran will get benefit from it in line with the progress of globalization today. This innovation will also give a better effect to ensure that the Quran continues to be protected and preserved from generation to generation

Keywords : *Talaqqi Musyafahah; Italic; Concept; Application; Benefits*

I. PENDAHULUAN

Al-Quran, kalam Allah SWT yang mulia, diturunkan tanpa sebarang keraguan di dalamnya, akan memandu manusia ke arah petunjuk Illahi. Firman Allah SWT di dalam surah al-Baqarah ayat 2 [1]

Maksudnya : *Inilah al-Quran yang tidak ada keraguan padanya dan memberi petunjuk kepada orang-orang yang bertakwa.*

Hakikatnya setiap umat Islam bertanggungjawab memastikan al-Quran terus terpelihara daripada segenap segi termasuklah kualiti bacaan pembacanya. Pembaca al-Quran mestilah membacanya melalui kaedah yang tepat dan benar agar al-Quran akan terus terpelihara sebagai mana Firman Allah SWT dalam surah al-Hijr ayat 9 [3] yang bermaksud:

Maksudnya : *Sesungguhnya Kami (Allah) yang menurunkan al-Quran dan Kami (Allah) yang akan memeliharanya.*

Maka, salah satu perkara yang harus diberikan perhatian adalah mencari kaedah yang tepat dalam memastikan bahawa keaslian dan ketinggian martabat al-Quran terus terpelihara sebagaimana firman Allah SWT ini. Justeru salah satu kaedah yang akan diketengahkan dalam

penulisan ini dan perlu diberikan penekanan yang wajar oleh semua pihak adalah kaedah *Talaqqi Musyafahah*. Pemilihan kaedah *Talaqqi Musyafahah* ini sebagai kaedah asas dalam mempelajari ilmu al-Quran adalah melalui firman Allah SWT dalam surah al-Qiyamah ayat 16-19 [2] yang telah menerangkan dengan maksudnya :

Maksudnya : *Janganlah engkau (wahai Muhamamad) menggerakkan lidahmu (untuk membaca al-Quran) kerana hendak cepat menguasainya (16) Sesungguhnya Kami yang akan mengumpulkannya (didadamu) dan membacakannya (17) Apabila Kami telah selesai membacakannya, maka ikutilah bacaanya itu (18) Kemudian kami yang akan menjelaskannya.*

Justeru, dalam penulisan ini beberapa penelitian kepada penulisan artikel berkaitan kaedah *talaqqi musyafahah* akan diketengahkan bagi memberikan gambaran yang jelas tentang kaedah *talaqqi musyafahah* yang tepat tentang konsep, kaedah penerapan serta faedah yang akan diperolehi apabila kaedah ini tetap dipertahankan dan dikekalkan dalam pendidikan al-Quran khususnya di negara kita Malaysia. Namun penulis melihat ada keperluan untuk diperincikan serba sedikit berkaitan sejarah pendidikan al-Quran bermula daripada zaman Nabi Muhamamd SAW sehinggalah ilmu al-Quran ini mula diperkembang di Malaysia sebagai

67

Received: 08 February 2023

Revised: 15 March 2023

Accepted: 25 March 2023

rangka permulaan penulisan berkaitan kaedah *talaqqi musyafahah* ini.

II. SEJARAH PENDIDIKAN AL-QURAN

Sirah kehidupan Nabi Muhammad SAW bersama-sama dengan para sahabat telah membuktikan bahawa kaedah *talaqqi musyafahah* merupakan teras penting yang menjadi dasar dalam perkembangan ilmu al-Quran ketika itu [8], [16-17], [22]. Kaedah ini merupakan kaedah yang telah digunakan oleh Nabi Muhammad SAW yang telah bertalaqqi dengan malaikat Jibril AS dengan penuh kesungguhan [4], [11], [16-17], [19], [22]. Malaikat Jibril a.s pula telah mengambil bacaan daripada Allah s.w.t. [16] Kaedah ini merupakan kaedah asas yang diamalkan oleh Rasulullah SAW untuk menerima bacaan al-Quran daripada malaikat Jibril [4], [6], [13-14], [16-17], [19], [22].

Setelah bertalaqqi dengan malaikat Jibril, Nabi Muhammad SAW akan mengajar dan bertalaqqi pula kepada para sahabat [16-17], [22]. Para sahabat sangat bersungguh-sungguh mengambil sanad bacaan al-Quran daripada Rasulullah SAW dan kaedah ini diteruskan oleh para ilmuan al-Quran sehingga ke hari ini [11], [17], [19]. Inilah kelebihan yang ada pada para sahabat. Mereka mendapat didikan yang terus daripada Nabi Muhammad SAW. Maka setiap kesilapan atau kesalahan dalam pembacaan al-Quran para sahabat akan dibetulkan terus oleh Rasulullah SAW dan baginda menjadi tempat rujukan para sahabat sekiranya ada ayat al-Quran yang sukar difahami oleh mereka [13-14], [17], [22].

Selepas kewafatan Nabi SAW para sahabat tetap menggunakan kaedah *talaqqi musyafahah* dalam meneruskan kesinambungan ilmu yang diajarkan oleh Rasulullah SAW bersama-sama para sahabat yang lain. Sahabat menjadi rakan kepada sahabat yang lain dan meneruskan kesinambungan ilmu al-Quran daripada zaman ke zaman terutamanya selepas Islam sudah mula diterima masyarakat dunia dan semakin berkembang [13-14], [17], [19], [22]. Apabila Islam semakin berkembang, maka Islam telah mula sampai ke Tanah Melayu, pendidikan Islam di Tanah Melayu telah bermula sejak abad ke-14 lagi [12] dan ada menyebut pada kurun ke-15 [21] melalui sistem pengajian pondok. Islam sampai ke Tanah Melayu kesan daripada perkembangan Islam yang pesat melalui jalan perdagangan. Penduduk Tanah Melayu ketika itu telah mula mempelajari ilmu agama Islam melalui para guru dan para pedagang Islam yang datang dari Semenanjung Tanah Arab, yang mana para guru ini akan mengajar secara bersemuka dengan para pelajar. Antara ilmu yang dipelajari ketika itu berdasarkan penulisan Mohd Syakir & Mohd Farid

pada 2021 [13] adalah ilmu al-Quran. Namun pengajaran dan pembelajaran al-Quran ketika itu hanya fokus kepada perkara asas dalam ilmu al-Quran.

Dalam awal kurun ke-20. Kedatangan pedagang arab ke tanah melayu telah merubah landskap pendidikan di tanah melayu. Mereka bukan sahaja seorang peniaga malahan seorang guru yang mengajar ilmu agama Islam kepada penduduk Tanah Melayu. Mereka dengan pembiayaan sendiri membangun beberapa madrasah atau pondok dalam mengembangkan ilmu agama Islam. Menurut Najmiah & Zulkifli pada 2016 [15] yang menjalankan kajian berkaitan ilmu tarannum, mereka menyatakan kajian lampau tidak fokus kepada perbincangan tarannum secara khusus tetapi mereka membuat perkaitan antara ilmu tarannum dan ilmu al-Quran. Mereka mendapati dalam sejarah perkembangan ilmu al-Quran di Tanah Melayu, para guru ketika itu memberi penerapan bacaan al-Quran beserta tarannum. Jika kita lihat dalam konteks yang lebih besar. Kaedah ini merupakan kaedah yang sedang diperbahaskan dalam penulisan ini iaitu kaedah *talaqqi musyafahah*.

Maka sejarah yang panjang ini membuktikan bahawa kaedah *talaqqi musyafahah* boleh dikatakan sebagai kaedah pembelajaran al-Quran yang tertua pernah wujud dalam sejarah dunia [13], [16]. Kaedah ini juga boleh dikatakan sebagai kaedah yang tepat dan terbaik dalam meneruskan kesinambungan pembelajaran al-Quran [4], [13-14], [16-17], [20], [22]. Justeru penulis melihat adalah perlu untuk penulis melaksanakan satu dapatan yang lebih mendalam dalam melihat sejauh mana konsep yang tepat, kaedah penerapan yang dilakukan serta faedah yang diperoleh hasil daripada penerapan kaedah *talaqqi musyafahah* ini dalam pembelajaran al-Quran.

III. KONSEP TALAQQI MUSYAFahah

Talaqqi musyafahah merupakan gabungan daripada dua perkataan iaitu *talaqqi* dan *musyafahah*. Menurut Mohd Zaini & Mohamad Marzuqi pada 2021 [14] *Talaqqi* adalah pertemuan antara murid dan guru secara individu atau berkumpulan dalam memperbetul bacaan al-Quran. Guru sebagai sumber contoh dan seterusnya akan meneliti bacaan daripada murid dan menegur setiap kesalahan bacaan yang dilakukan oleh murid [4], [14], [16], [22]. Manakala *musyafahah* pula adalah satu keadaan guru sebagai sumber contoh bacaan al-Quran yang tepat dan para pelajar akan mengikuti bacaan guru tersebut satu persatu [14]. Kaedah *talaqqi musyafahah* ini adalah di mana para pelajar akan bersemuka dengan para guru dan melihat pergerakan bibir guru [13], [16], [18]. Dalam kaedah ini akan berlakunya interaksi dua hala antara guru dan pelajar. Guru akan berusaha untuk menyemak bacaan para pelajar dan para pelajar akan berusaha untuk mengikuti bacaan yang tepat daripada guru [4], [14], [22].

Konsep *talaqqi musyafahah* ini adalah satu bentuk pertemuan secara berhadapan antara guru dan murid [13-14], [16-17], [21]. Murid akan memerhati setiap huruf yang keluar daripada mulut para guru dan berusaha untuk mengikuti setiap kaedah sebutan yang diajarkan oleh para guru [13]. Jika diteliti, maka kita boleh bersetuju bahawa kaedah *talaqqi musyafahah* ini merupakan satu cara yang disebut sebagai kaedah *face to face* atau *one by one* antara guru dan murid [17], [19]. Kaedah *talaqqi musyafahah* ini juga merupakan kaedah mempelajari al-Quran daripada mulut ke mulut iaitu antara para guru dan para pelajar dan disebut sebagai kaedah bersemuka [14], [16-17], [21].

Sebagai maklumat tambahan, dalam penulisan Nor Hafizi et. al (2018) [17] para pengkaji telah mengemukakan pendapat Dr Ahmad bin Faris al-Salum. Beliau telah memperincikan jenis-jenis kaedah *talaqqi musyafahah*. Terdapat lima jenis kaedah *talaqqi musyafahah* yang berlaku iaitu *at-Talqin*, *al-'Ard*, *al-Sima*, *riwayat al-Huruf & Ijazah Mujarradah*. Dua kaedah yang selari dengan pelaksanaan *talaqqi musyafahah* adalah yang pertama *al-Talqin* yang mana dalam kaedah ini para guru akan membaca ayat al-Quran kepada para pelajar dan ini merupakan kaedah yang terbaik dalam mempelajari ilmu al-Quran [17], [19]. Kedua, kaedah *al-'Ard* yang mana dalam kaedah ini pelajar pula akan menyemak bacaan al-Quran di hadapan guru setelah mendengar apa yang telah dibacakan oleh para guru [17], [19].

Setelah penulis memperincikan beberapa dapatan kajian berkaitan konsep sebenar kaedah *talaqqi musyafahah*, penulis membuat kesimpulan bahawa kaedah *talaqqi musyafahah* ini adalah kaedah yang mempertemukan antara guru dan

pelajar dalam satu waktu yang mana guru sebagai pembimbing para pelajar akan berusaha memperbetul dan menyemak bacaan para pelajar agar bacaan mereka menepati kaedah bacaan sebenar yang telah disampaikan oleh Rasulullah SAW melalui malaikat Jibril a.s [4], [11], [16-17], [19], [22] dan para pelajar pula akan berusaha memperelok bacaan yang telah diajarkan oleh para guru mereka. Para pelajar akan mengambil bacaan guru sebagai contoh dan akan menggunakan kaedah bacaan yang betul sebagaimana bacaan Rasulullah SAW. Namun, *talaqqi musyafahah* ini tidak akan dapat dilaksanakan tanpa adanya kaedah penerapan yang tepat dan tersusun dalam pembelajaran al-Quran khususnya di Malaysia. Maka satu penelitian akan dilakukan bagi melihat sejauh mana kaedah penerapan kaedah *talaqqi musyafahah* dalam pembelajaran al-Quran khususnya di Malaysia.

IV. PENERAPAN KAEDAH TALAQQI MUSYAFahah

Penerapan kaedah *talaqqi musyafahah* bukanlah suatu kaedah yang asing dalam dunia Islam. Kaedah ini seperti dalam catatan sejarah telah digunakan sejak zaman Rasulullah SAW. Baginda menerima wahyu al-Quran melalui malaikat Jibril menggunakan kaedah *talaqqi musyafahah*. Maka beberapa cara telah dilakukan sebagai satu usaha yang baik dalam meneruskan kesinambungan kaedah *talaqqi musyafahah* ini.

A. Penerapan Kaedah Talaqqi Musyafahah Dalam Pendidikan Tahfiz

Penggunaan kaedah *talaqqi musyafahah* ini menjadi asas yang penting dalam pendidikan tahfiz [4], [6], [14], [18], [22]. Kajian Mohd Zaini & Mohamad Marzuqi, 2021 [14] mendapati bahawa kaedah *talaqqi musyafahah* mempunyai kolerasi yang tinggi khususnya dalam meningkatkan mutu hafazan dan penguasaan ilmu Qiraat dalam kalangan pelajar. Hal ini membuktikan bahawa beberapa orang penulis bersetuju bahawa kaedah *talaqqi musyafahah* merupakan kaedah asas yang diperlukan dalam pendidikan tahfiz al-Quran. Guru akan menyemak terlebih dahulu bacaan pelajar sebelum mereka memulakan sesi hafazan. Hal ini sedikit sebanyak dapat membantu para pelajar ini memastikan bahawa ayat yang dihafaz adalah betul dan tidak mengandungi kesalahan tajwid dan fasahah [13-14].

Satu kajian yang menarik daripada Siti Suriyani pada tahun 2018 [22]. Beliau memberikan penelitian terhadap kaedah hafazan dengan mengemukakan beberapa kaedah yang diperkenalkan seperti kaedah Jibril dan kaedah al-Qabisi. Namun jika diteliti kajian ini secara mendalam, kesimpulan yang boleh diambil adalah,

dalam setiap kaedah yang dilaksanakan, penerapan kaedah *talaqqi musyafahah* menjadi asas yang penting dalam membantu mempertingkatkan mutu hafazan al-Quran dalam kalangan pelajar. Maka boleh dikatakan ramai pengkaji yang melihat bahawa kaedah *talaqqi musyafahah* merupakan kaedah asas dalam pendidikan tahfiz khususnya di negara kita [4], [6], [14], [18], [22]. Kaedah yang telah diterapkan ini mampu memberikan kesan yang baik kepada sistem pendidikan tahfiz yang kian pesat berkembang pada hari ini.

B. Penerapan Kaedah Talaqqi Musyafahah Dalam Mata Pelajaran Pendidikan Islam Di Sekolah

Selain itu, dalam kajian Norhisham et. al (2019) [16] kepada Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) di negeri Perak mendapati kaedah *talaqqi musyafahah* ini merupakan salah satu kaedah yang telah digunakan dalam bidang Tilawah al-Quran di peringkat sekolah khususnya dalam mata pelajaran Pendidikan Islam. Hasil kajian mereka melihat bahawa penggunaan kaedah *talaqqi musyafahah* ini berada pada tahap yang tinggi di Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) di negeri Perak. Kaedah ini merupakan kaedah yang kukuh dan berkesan untuk terus dilaksanakan dalam sistem pendidikan khususnya dalam bidang Pendidikan Islam di sekolah-sekolah [13], [16].

Meskipun dalam kajian Rabeah & Sabri pada 2019 [20] mendapati kaedah *talaqqi musyafahah* ini tidak diberi penekanan dalam kalangan guru Pendidikan Islam di SJKC. Namun mereka tetap bersetuju bahawa kaedah ini perlu dikekalkan dan diberi penekanan dalam Pendidikan Islam khususnya dalam bidang pendidikan al-Quran di negara kita kerana kaedah ini merupakan kaedah yang dipelopori sejak zaman Rasulullah SAW [8], [16-17], [22].

C. Penerapan Kaedah Talaqqi Musyafahah Dalam Sistem Pengajian Pondok

Maziahtusima et. al (2019) [9] menjelaskan berdasarkan sejarah, pendidikan Islam di Tanah Melayu pada awal kedatangan Islam telah mula dijalankan di rumah para guru atau di Istana Sultan. Pengajaran dan pembelajaran bidang pendidikan Islam yang telah bermula sejak awal kurun ke-14 lagi telah berkembang sehingga terbinanya sistem pengajian pondok dan madrasah. Sistem pengajaran di pondok telah menerapkan pengajian secara *talaqqi musyafahah* dan dilihat sebagai asas yang penting dalam perkembangan ilmu Islam ketika itu [21].

Pengajian yang berorientasikan kaedah tradisional seperti kaedah *talaqqi musyafahah* ini dijalankan dengan kaedah di mana para pelajar akan

duduk di hadapan para guru dan membaca kitab-kitab ilmu Islam seperti kitab Fiqh, Kitab Aqidah dan Kitab Akhlak [21]. Meskipun fokus perbahasan tidak meletakkan pengajian al-Quran sebagai topik utama, namun dapat kita membuat kesimpulan bahawa kaedah ini adalah kaedah yang diterima baik oleh masyarakat di Malaysia yang mengikuti aliran pendidikan berorientasikan sistem pembelajaran pondok ini. Kaedah ini juga memberi kesan yang baik dalam kefahaman dan penguasaan ilmu Islam dalam kalangan masyarakat di negara kita.

Maka penulis melihat, penerapan kaedah *talaqqi musyafahah* ini sebenarnya merupakan salah satu kaedah yang telah dilaksanakan dan diamalkan dalam pelbagai sistem pendidikan di negara kita khususnya yang melibatkan perkembangan bidang Pendidikan Islam. Tidak kira sama ada pendidikan secara formal seperti di sekolah-sekolah kerajaan hinggalah kepada pendidikan tidak formal seperti di pondok-pondok dan madrasah, penerapan kaedah *talaqqi musyafahah* ini dilihat sebagai satu usaha bagi memastikan bidang Pendidikan Islam khususnya pembelajaran al-Quran akan terus berkembang dengan baik dari masa ke masa. Justeru satu penelitian terperinci berkaitan faedah penerapan kaedah *talaqqi musyafahah* ini akan dihuraikan. Ia akan memperlihatkan betapa kaedah ini merupakan kaedah yang penting khususnya dalam pembelajaran al-Quran dan perlu dikekalkan dari zaman ke zaman.

V. FAEDAH PENERAPAN KAEDAH TALAQQI MUSYAFAAH

Realitinya, kaedah *talaqqi musyafahah* ini merupakan kaedah asas yang sangat penting dalam pendidikan al-Quran khususnya di negara kita. Pengimplementasian kaedah ini sedikit sebanyak telah memberikan faedah dalam pengajaran dan pembelajaran al-Quran.

A. Keaslian Bacaan al-Quran Terpelihara

Penerapan kaedah *talaqqi musyafahah* memberi gambaran bahawa keaslian bacaan al-Quran dapat dikekalkan [6], [16], [18]. Dengan kewujudan kaedah *talaqqi bersanad* dan kelas Tilawah al-Quran di khususnya dalam negara kita, keaslian bacaan al-Quran dapat dipelihara dan jauh daripada kesalahan kerana wujudnya guru yang alim dalam memastikan keaslian bacaan tersebut dijaga dan tidak dirosakkan. Kaedah *talaqqi musyafahah* ini merupakan kaedah yang penting dalam menjaga sanad dan bacaan al-Quran yang tepat [11], [15]. Kaedah ini juga dapat menjaga hukum tajwid yang tepat [14] dan ia mampu memelihara keaslian bacaan al-Quran kerana diambil cara bacaannya

daripada sumber yang asli [13] iaitu Nabi Muhammad SAW.

Dengan pengekaln kaedah ini sedikit sebanyak kita mampu mengelakkan berlakunya penyelewengan terhadap ayat al-Quran [6], [13], [18], [22]. Maka, kaedah *talaqqi musyafahah* ini merupakan kaedah yang dapat menjaga keaslian bacaan al-Quran dan dapat memastikan setiap pembacanya beramanah dalam mengekalkan keaslian tersebut.

B. Kualiti dan Mutu Bacaan al-Quran Dipertingkatkan

Penerapan kaedah *talaqqi musyafahah* dalam pengajaran dan pembelajaran al-Quran dapat meningkatkan mutu bacaan al-Quran [13-14]. Kajian Mohd Abdul Nasir et al. 2017 [10] bersetuju dan menyatakan bahawa kaedah *talaqqi musyafahah* ini berkesan dan dapat meningkatkan mutu bacaan dan penguasaan ilmu al-Quran dalam diri sampel kajian. Walaupun dalam kajian ini pengkaji memberi fokus kepada penelitian terhadap bacaan qiraat Warsh an-Nafi' namun dapatan kajian ini tidak menafikan bahawa wujudnya kesan yang baik dalam peningkatan mutu dan kualiti bacaan dalam kalangan sampel kajian.

Selain itu, kaedah *talaqqi musyafahah* ini juga dapat mengelakkan daripada berlakunya kesalahan ketika membaca al-Quran [19]. Kajian Haziyah Hussin & Masitah Ismail pada 2018 [7] telah mengetengahkan isu kelemahan penguasaan murid dalam tilawah al-Quran secara bertajwid yang mana isu ini masih tidak dapat diselesaikan. Maka dalam kajian ini mereka mengetengahkan kaedah al-Matien sebagai kaedah yang berkesan dalam pembelajaran tilawah al-Quran. Jika diteliti kaedah al-Matien yang diketengahkan ini, maka didapati salah satu penerapan yang dilakukan adalah penerapan kaedah *talaqqi musyafahah*. Di akhir kajian ini telah membuktikan bahawa kaedah al-Matien ini dapat meningkatkan mutu bacaan al-Quran dan penguasaan tajwid dalam kalangan sampel kajian serta dapat mengurangkan risiko berlaku kesalahan dalam bacaan al-Quran.

C. Meningkatkan Mutu Hafazan

Peningkatan mutu hafazan merupakan aspek penting dalam memastikan al-Quran terus terpelihara. Banyak kajian yang membuktikan bahawa penguasaan mutu hafazan al-Quran perlu diasaskan dengan asas yang baik. Kebanyakan pengkaji bersetuju bahawa kaedah *talaqqi musyafahah* adalah kaedah asas yang tepat dalam bidang tahfiz [4], [16-17], [22]. Ramai pengkaji yang bersetuju bahawa

kaedah *talaqqi musyafahah* memberikan kesan kepada kualiti hafazan para pelajar [6], [13], [18].

Selain itu, kajian Azmil Hashim & Ab Halim pada 2012 [5] dan telah dilakukan penelitian terhadap persepsi para pelajar tahfiz terhadap kaedah hafazan yang digunakan. Hasil kajian ini mendapati bahawa penggunaan kaedah *talaqqi musyafahah* sering digunakan oleh para pelajar dalam membantu meningkatkan mutu hafazan mereka. Selain itu, kajian Abd. Aziz Abdullah et. al (2021) [4] terhadap Sistem Hafazan Turki mendapati bahawa kaedah *talaqqi musyafahah* yang digunakan dalam sistem hafazan ini sangat sesuai diamalkan dan dapat melahirkan ramai huffaz yang mencintai al-Quran dan menerapkan nilai akhlak yang mulia.

Maka beberapa penelitian ini telah membuktikan bahawa kaedah *talaqqi musyafahah* mampu membantu dalam meningkatkan mutu hafazan dalam kalangan huffaz.

D. Memelihara Cara Pembelajaran al-Quran Rasulullah SAW

Kaedah *talaqqi musyafahah* merupakan kaedah yang menjadi cara Rasulullah SAW mengambil bacaan al-Quran dan cara Rasulullah SAW menyebarkan bacaan al-Quran [4], [16-17], [21-22] dan boleh menyebut kaedah ini adalah kaedah yang menjadi sunnah Rasulullah SAW. Umum mengetahui Baginda SAW sangat tekun ketika bertalaqqi al-Quran bersama-sama malaikat Jibril a.s [6], [11], [13], [19]. Hal ini membuktikan bahawa kaedah *talaqqi musyafahah* ini adalah kaedah yang tepat dan perlu dipertahankan kerana ia merupakan sunnah Rasulullah SAW.

Dalam penulisan Mohamad Redha (2020) [11] turut bersetuju bahawa kaedah *talaqqi* dan dalam konteks kajian mereka yang memberi fokus kepada perbahasan konsep *talaqqi* al-Quran bersanad, kaedah ini mampu menjaga sunnah Rasulullah SAW.

VI. CADANGAN

Berdasarkan ketiga-tiga perbahasan berkaitan konsep, kaedah penerapan dan faedah dalam mengaplikasikan *talaqqi musyafahah* dalam pembelajaran al-Quran, penulis melihat adalah perlu beberapa cadangan bagi memastikan kaedah ini terus digunakan dan dapat menarik minat dalam kalangan anak muda untuk mempelajari al-Quran.

A. Gamifikasi al-Quran

Pada 2021 telah dibangunkan satu bentuk permainan tahfiz al-Quran iaitu Global Tahfiz Game (GTG).

Zainora et. al (2022) [23] telah mengkaji dan melihat sejauh mana persepsi responden berkaitan GTG. Hasil kajian mendapati GTG ini diterima baik dalam kalangan responden kajian dan ia merupakan satu kaedah yang lebih inovatif dalam membantu masyarakat khususnya menghafaz al-Quran untuk memperkukuh hafazan mereka.

Jika dilihat menerusi bahan gamifikasi seperti ini, maka pihak yang berautoriti boleh membangunkan pula satu inovasi gamifikasi dalam kaedah *talaqqi musyafahah* dengan mewujudkan bahan audio yang menarik.

B. Al-Quran Perkata Berwarna

Inovasi dalam bidang al-Quran juga dilihat sangat baik [13]. Inovasi dalam membangunkan al-Quran yang menarik perhatian pembaca juga penting bagi membolehkan al-Quran dibaca dengan baik dan mengikut tajwid yang betul. Hari ini kewujudan beberapa mushaf al-Quran yang memberi fokus kepada hukum tajwid dengan perbezaan warna-warna sudah tentu memberi manfaat yang besar kepada para penggunanya.

Contohnya penggunaan al-Quran al-Andalus yang diterbitkan oleh Karya Bestari Sdn. Bhd dan yang diedarkan oleh pihak Grupbuku Karangraf boleh terus diperhebat bagi membantu masyarakat untuk membaca al-Quran dengan betul berdasarkan hukum tajwid yang tepat. Dalam masa yang sama dengan al-Quran seperti ini juga pembaca dapat melaksanakan kaedah *talaqqi musyafahah* al-Quran yang menarik bersama para guru al-Quran mereka. Inovasi ini dilihat mampu membantu dan mula menjadi pilihan dalam kalangan masyarakat.

C. Aplikasi al-Quran Digital di Telefon Pintar

Kemajuan teknologi pada hari ini tidak menghalang beberapa pihak untuk mewujudkan pelbagai aplikasi pembacaan al-Quran digital dengan memuat naik bacaan para imam yang mu'tabar bagi memudahkan para pengguna aplikasi tersebut menyemak bacaan al-Quran tidak mengira tempat dan waktu. Aplikasi yang pelbagai ini sedikit sebanyak telah dapat memudahkan individu tertentu untuk membaca al-Quran.

Contohnya aplikasi seperti Quran by Quran.com yang boleh dimuat turun melalui App Store mahupun Google Play Store telah digunakan lebih 17,000 pengguna sehingga kini berdasarkan data daripada aplikasi App Store. Hal ini memberi gambaran bahawa aplikasi seperti ini boleh

dimanfaatkan dalam memperkembang lagi kaedah *talaqqi musyafahah* agar lebih menarik perhatian para pembaca al-Quran dan berinovasi. Dengan inovasi yang baik dapat mempertingkatkan mutu penguasaan bacaan al-Quran [13].

VII. RUMUSAN

Kaedah *talaqqi musyafahah* adalah kaedah yang terbaik dalam memastikan al-Quran terus dipelihara tanpa berlaku penyelewengan. Dengan penerapan kaedah *talaqqi musyafahah* dalam pembelajaran al-Quran khususnya sedikit sebanyak dapat membantu usaha dalam memperkukuh lagi pembelajaran al-Quran khususnya dan memperkembang bidang Pendidikan Islam amnya. Kaedah ini sedikit sebanyak dilihat telah dapat menjaga keaslian al-Quran, menjaga sunnah Rasulullah SAW, menjaga mutu bacaan al-Quran dan menjaga mutu penguasaan ilmu al-Quran melalui penerapan kaedah *talaqqi musyafahah* yang telah terbukti memberikan kesan yang baik dalam pengajaran dan pembelajaran al-Quran di negara kita khususnya dan dunia Islam amnya.

Menerusi penulisan ini semoga dapat membuka ruang kajian dan inovasi yang lebih mendalam berkaitan kaedah *talaqqi musyafahah* ini khususnya kajian berkaitan digitalisasi kaedah *talaqqi musyafahah*. Semoga dengan kewujudan inovasi dalam bidang *talaqqi musyafahah* sedikit sebanyak dapat meluaskan lagi akses dunia kepada pendidikan al-Quran sebaris dengan teknologi dalam bidang pendidikan yang lain.



RUJUKAN

- [1] Al-Quran, Al-Baqarah 2:2
- [2] Al-Quran, Al-Qiyamah 75:16-19
- [3] Al-Quran, Al-Hijr 15:9
- [4] A.A Abdullah, A.A Che Ibrahim, S. Abu Hasan & Mahmood Sabtu. "Sistem Pembelajaran Dan Kaedah Hafazan Al-Quran: Satu Kajian Di Sekolah Menengah/Maahad Hafiz Jeram (Banat) Dan Maahad Tahfiz Sulaimaniyyah Kajang". *Jurnal 'Uluwan Special Issue I: Kolokium Penyelidikan Ijazah Tinggi*. Jilid 6 (Bil.1) 2021: 80-94
- [5] A. Ismail, A. H. Tamuri & N. H. Hassan. "Pelaksanaan Amalan Talaqqi Dan Mushafahah Dalam Kalangan Pensyarah Tahfiz Al-Quran Di Malaysia". *Islamiyyat : Jurnal Antarabangsa Pengajian Islam*;

- International Journal Of Islamic Studies*, 41 (1). Pp. 93-98. ISSN 0216-5636. 2019
- [6] A. Hashim & A.H. Tamuri. "Persepsi Pelajar Terhadap Kaedah Pembelajaran Tahfiz al-Quran di Malaysia". *Journal Of Islamic and Arabic Education*. 4(2), 2012 1-10
- [7] H. Hussin & M. Ismail. "Keberkesanan Kaedah Al-Matien Dalam Pembelajaran Tilawah Al-Quran". *Jurnal Al-Turath*; Vol. 3, No. 2; 2018 E-ISSN 0128-0899
- [8] K.A. Jasmi & M.A Che Noh. "Sejarah, Kaedah, Serta Model Pengajaran Dan Pembelajaran Al-Quran". *Bengkel Pemulihan Dan Pengayaan Pengajaran Dan Pembelajaran (PDP) Al-Quran SRA JAWI*. At Lecture Hall, Masjid Negara, Jalan Perdana 50480, Kuala Lumpur pada 28-29 October 2013, Pp. 1-17.
- [9] M. Ishak, S.R. Hj Tibek, Z. Abd.Ghani, M.M. Idrus, H. Abdullah, A.H. Mohd Nor, N.S. Mat Saad, R. Darmi, A. Sulaiman @ Mohamed, S. Gunardi, N. Ja'afar, N.A. Ismail & H. Ismail. "Isu Dan Cabaran Pendidikan Pondok Dari Lensa Pegawai Jabatan Dan Majlis Agama Islam Negeri Di Malaysia". *International Journal Of Education, Psychology And Counseling*, 4(31), 384-393. DOI: 10.35631/IJEPC.4310033
- [10] M.A.N. Abd Latif, A.Z.S Abdul Hadi, M.H. Abdul Rahman, M.N Ibrahim & M.A. Kamarul Zama. "Implimentasi Talaqqi Dan Mushafahah Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Qira'at Warsh 'An Nafi'. *The Online Journal Of Islamic Education July 2017*, Vol. 5, Issue 1
- [11] M.R. Mohamad, F.Z. Ramli & N. Alias. "Relevansi Pewarisan Sanad Talaqqi Al-Quran". *Jurnal Al-Turath*; Vol. 5, No. 1; 2020 E-ISSN 0128-0899 32.
- [12] M.R. Mohd Nor & W.M.T Wan Othman. "Sejarah Dan Perkembangan Pendidikan Islam Di Malaysia". *At-Ta'dib - Jurnal Kependidikan Islam*, 6 (1). Pp. 59-78. ISSN 0216-9142.
- [13] M.S. Moktar & M.F Mohd Sharif. "Kaedah Talaqqi Musyafahah Dalam Tilawah Al-Quran". *MANU Jurnal Pusat Penataran Ilmu Dan Bahasa (PPIB)*. Bil. 32 (1), 153-174, 2021 (Jun) E-ISSN 2590-4086.
- [14] M.Z Shafiai & M.M Abdul Rahim. "Hubungan Talaqqi Musyafahah dengan Bacaan Al-Quran Dan Qiraat Pelajar Institusi Tahfiz Di Negeri Perak". *UFUQ International Journal Of Arts And Social Science Research*. 1(2), 62-74. 2021
- [15] N. Omar, Z. Mohd Yusuf. "Perkembangan Pengajian Tarannum Al-Quran Di Terengganu Pada Zaman Pra-Merdeka Sehingga Tahun 2014". *Jurnal Islam Dan Masyarakat Kontemporari*. ISSN 2289 6325 Bil 13 (Julai) 2016.
- [16] N. Muhamad, A. Hashim, W.H. Abdullah, M.A. Kamarul Zaman, F.A. Zamri. "Kaedah Talaqqi Musyafahah Dalam Pengajaran Al Quran Wa Al-Hifz Kurikulum Dini SABK Di Perak". *International Journal Of Education, Psychology And Counseling*, 4 (32), 273-283. DOI: 10.35631/IJEPC.4320025. 2019
- [17] N.H. Yusof, M.A. Mohd Razali, N. Omar, M.F Mohamed Abdelgelil & M.S. Hamzah. "Concept And Execution Of Talaqqi And Musyafahah Method In Learning Al-Quran". *International Journal Of Academic Research In Business And Social Sciences*, 8(11), 559-565. 2018
- [18] N.M. Mustafa & M. Basri. "Perbandingan Kaedah Hafazan Al-Quran Tradisional Dan Moden: Satu Kajian Awal". *Proceeding Of The Social Sciences Research ICSSR 2014 (E-ISBN 978-967-11768-7-0)*. 9-10 June 2014, Pp.827-834. Kota Kinabalu, Sabah, MALAYSIA. Organized By Worldconferences.Net
- [19] N.H. Zainal Abidin, N. Omar & N.H. Yusof. "Konsep Dan Pelaksanaan Kaedah Talaqqi Dan Musyafahah Dalam Pembelajaran Al-Quran". *Malaysian Journal For Islamic Studies* E ISSN 2550-2042 Vol 3, Bil 1 2019 27.
- [20] R. Ghazalli, S. Mohamad. "Amalan Talaqqi Dan Mushafahah Dalam Kalangan Guru Pendidikan Islam SJKC". *At-Tahkim*, Vol. 9, No. 18.11. 2019. ISSN No. 2541-3856
- [21] S.S. Abu Bakar, D. Janan, A.Lambri, N.R. Ruzuwan. "Kaedah Pengajaran Di Institusi Pengajian Pondok". *The Online Journal Of Islamic Education* December 2019, Vol. 7, Issue 2
- [22] S.S. Sulaiman. "Kaedah Hafazan : Suatu Tinjauan Ringkas". *E-Journal Of Islamic Thought And Understanding* .Volume 2 Issue 1 January 2018 [Http://Ejitu.Uitm.Edu.My/](http://ejitu.uitm.edu.my/) E-ISSN:2006-9617 Page 4

- [23] Z. Daud, A. M. . Ahmad, N. Alias, and N. . Ibrahim, "Persepsi Pelajar terhadap Penggunaan Gamifikasi Tahfiz Global dalam Pengajaran dan Pembelajaran Subjek Muraja'ah al-Quran: Students' Perceptions Towards The Use of Global Tahfiz Gamification In Teaching And Learning The Subject of Muraja'ah al-Qur'an", *j. Quran. Sn. Edtn. Spc. Nd.*, vol. 6, no. 2, pp. 62-78, Dec. 2022.

AUTHOR'S INFORMATION

	First Author: MUHAMMAD AMIRULLAH JASNI	Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Malaysia E-mail : amirullahjasni@yahoo.com
	Second Author: DR MOHD ISA HAMZAH	Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Malaysia E-mail : amirullahjasni@yahoo.com: